



**DIHUKUM:** Mohd Danish (kiri) diiring polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret selesai dijatuhkan hukuman. — Gambar Roystein Emmor

# Lelaki mengaku miliki dadah dipenjara enam bulan

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki 0.009 gram Methamphetamine, Februari lalu.

Awang Azrul Awang Ayub, 35, yang membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali, didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 12 tengah hari di sebuah rumah di Tatai Kumang, Jalan Siol Kandis di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan keterangan kes, polis memeriksa Awang Azrul di hadapan rumah tersebut susulan disyaki terlibat dengan kegiatan dadah.

Hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan sekotak rokok di dalam poket seluar tertuduh, di dalamnya mengandungi sepeket plastik lutsinar berisi ketulan hablur kristal disyaki dadah jenis syabu dengan anggaran berat kasar 0.16 gram.

Susulan itu, Awang Azrul ditangkap bersama barang kes tersebut, yang kemudiannya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Kuching untuk dianalisis.

Laporan Kimia bertarikh 19 Mac 2026 mengesahkan barang kes mengandungi 0.009 gram Methamphetamine, sejenis dadah tersenarai di bawah Jadual Pertama ADB 1952.

Awang Azrul tidak diwakili peguam.

Sementara itu di mahkamah sama, seorang lelaki didenda RM2,600 atau tujuh bulan penjara selepas menukar pengakuannya kepada bersalah sebelum perbicaraan bermula, atas kesalahan di bawah seksyen serupa iaitu

memiliki 0.09 gram methamphetamine.

Mohd Danish Daniah Abdullah, 24, didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 5.35 petang pada 19 Februari 2024 di sebuah rumah di Jalan Stakan, Taman Sentosa Height, Kota Sentosa.

Semasa pemeriksaan dilakukan terhadapnya, polis merampas sepeket plastik kecil lutsinar mengandungi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu dengan anggaran berat kasar 0.29 gram di dalam poket seluar Mohd Danish.

Berikutan itu, barang tersebut dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan laporan kimia mendedahkannya mengandungi 0.09 gram Methamphetamine.

Mohd Danish diwakili peguam Osman Ibrahim.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly.